



Ruj. Kami : PERB.PHG.BPP.600-1/3/5/1 Jld.14(24)  
Tarikh : 30 September 2019

## SEMUA KETUA PUSAT TANGGUNGJAWAB

YB Dato' Sri/YAA Dato' Sri/YH Dato' Sri/YH Dato' Indera/YH Dato'/Tuan,

### PELAKSANAAN PERUBAHAN GAJI TANPA SIJIL GAJI AKHIR

Dengan segala hormatnya perkara diatas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Pentadbiran ini telah menetapkan bahawa Sijil Gaji Akhir (SGA) tidak perlu dikeluarkan bagi perubahan gaji pegawai dan kakitangan yang bertukar antara Pusat Tanggungjawab (PTJ) yang dibayar gaji dalam Modul Gaji Sistem Perakaunan Standard Kerajaan (SPEKS) Negeri Pahang.
3. Untuk memastikan kelancaran pelaksanaan perubahan ini, pihak PTJ hendaklah mematuhi proses kerja seperti Lampiran.
4. Suka diingatkan bahawa penyediaan SGA masih diperlukan bagi pertukaran pegawai dan kakitangan yang dibayar gaji melalui Baucar Bayaran Berasingan, serta pegawai dan kakitangan yang bertukar ke Kerajaan Negeri lain, Kerajaan Persekutuan, Badan Berkanun atau Pihak Kuasa Tempatan.
5. Pelaksanaan perubahan gaji pegawai dan kakitangan tanpa SGA ini adalah berkuatkuasa mulai perubahan gaji bulan November 2019. Jika terdapat sebarang pertanyaan sila hubungi Puan Hajjah **Nor Khazimah binti Abdul Latif (09-5126847)** atau Datin **Roslina binti Ab Majid (09-5126814)**.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,

  
**(DATO' NOR AKILLAH BINTI OSMAN C.A.(M)**  
**DIMP.,AAR.,AMP.)**  
Akauntan Negeri  
b.p Pegawai Kewangan Negeri  
Pahang Darul Makmur

- s.k. 1. YB Pegawai Kewangan Negeri  
2. Timbalan Pegawai Kewangan Negeri

**PROSES KERJA PERUBAHAN GAJI PEGAWAI BERTUKAR ANTARA PUSAT  
TANGGUNGJAWAB**

ARAHAN	TINDAKAN
1. Terima Surat Arahan Pertukaran.	PTJ Lama dan PTJ Baharu
2. Sedia Penyata Perubahan Pendapatan Seseorang Pegawai (Kew.8).	PTJ Lama dan PTJ Baharu
3. Kemaskini Buku Rekod Perkhidmatan.	PTJ Lama
4. Kemuka Kew.8 dan Buku Rekod Perkhidmatan Pegawai kepada PTJ Baharu.	PTJ Lama
5. Kunci masuk Kew.8 dalam Modul Gaji Sistem SPEKS serta ambil tindakan semak dan lulus.	PTJ Baharu
6. Maklumat dalam skrin Kew.8 akan dipindahkan ke skrin Kew.320	Sistem SPEKS
7. Edit dan simpan maklumat dalam Kew.320	PTJ Baharu
8. Maklumkan PTJ Lama untuk proses keluar gaji.	PTJ Baharu
9. Tanda kotak Belum Di Edit dalam skrin Pertanyaan Kew.320	PTJ Lama
10. Pilih Kew.320 pegawai atau kakitangan terlibat serta ambil tindakan semak dan lulus.	PTJ Lama
11. Maklumkan PTJ Baharu	PTJ Lama
12. Semak dan lulus Kew.320 dalam skrin PTJ Baharu	PTJ Baharu
13. Semak dan lulus perubahan gaji	Akauntan Negeri